

Berita-berita Ringkas Dari

Alam Islam

Baghdad: President Abdul Rahman

Arif dari Iraq menyatakan bahawa kerajaan akan terus berusaha untuk memperkuatkan kedudukan angkatan bersenjata Iraq bagi memerdekaan bumi Palestin dari Zionis Yahudi, sekali pun pada masa ini Iraq mengalami kemerosotan ekonomi.

President Iraq itu menegaskan: "Sama ada kita akan terus hidup mulia dengan membasmikan segala noda kekacauan kita dalam perang bukan Jun yang lalu, atau pun kita akan hancur lebur semua sekali."

* * *

Beirut: Kerajaan Lubnan telah menghantar satu surat bantahan kepada Majlis Keamanan Bangsa-bangsa Bersatu. Surat bantahan itu menegaskan bahawa serangan-serangan tentera Israel yang telah dilancarkan di sebuah kampung yang bersempadan dengan Israel pada 12 hari bulan Mei 1968 yang lalu adalah merupakan satu tindakan perrusuhan yang dengan sengaja dilakukan oleh Israel terhadap Lubnan.

Berhubung dengan perkara ini tuan Sayyid Fouad Boutrus – Menteri Luar Lubnan – akan melawat ke luar negeri untuk meninjau pendapat-pendapat yang akan diberikan oleh pemimpin-pemimpin negara besar tentang sikap perrusuhan Israel itu. Di antara ibu-ibu negara yang akan beliau lawati ialah, Paris, Lubnan, Moscow, Washington dan Pakistan,

akhir sekali beliau akan terus ke New York di mana terletaknya bangunan Bangsa-bangsa Bersatu bagi mengemukakan bantahan tersebut dengan secara lisan.

* * *

Karachi: Markas Muktamar Islam yang berpusat di Karachi telah berseru kepada sekalian orang-orang Islam yang berada di seluruh dunia agar memperingati hari 5 hari bulan Jun yang lalu sebagai hari yang paling sedih di dalam sejarah moden umat Islam, di mana pada hari itulah tentera-tentera Israel telah memulakan sikap perrusuhannya yang paling kejam ke atas negara-negara Arab, di mana akibat dari sikap perrusuhan itu kota suci "Baitulmaqdis" telah dirampus oleh Israel yang menyebabkan beratus-ratus ribu bangsa Arab yang terdiri dari umat Islam telah diusir keluar dari tanah air mereka dan harta benda mereka dirampus dengan secara kejam.

* * *

Amman: Kerajaan Jordan sekarang sedang menyediakan satu laporan khas mengenai dengan keadaan pelajar-pelajar Jordan yang tinggal di dalam kawasan sebelah barat Jordan yang telah ditawan oleh Israel. Pelajar-pelajar itu sekarang sedang berada di luar negeri melanjutkan pelajaran tinggi mereka di maktab-maktab perguruan dan universiti-universiti. Mereka sekarang sedang keputusan wang perbelanjaan disebabkan harta benda dan kampung

halaman ibu bapa dan waris-waris mereka telah dirampus dengan secara kejam oleh orang-orang Yahudi. Laporan tersebut akan dihantar kepada pertubuhan Liga Arab yang berpusat di kota Kaherah Mesir.

* * *

Tehran: Duli Yang Maha Mulia Shahbano Iran, dalam satu siaran khasnya telah menyatakan, bahawa cadangan kerajaan untuk mendirikan patung-patungnya dan patung-patung Shahanshah¹ di bandar-bandar kecil seluruh negeri Iran, telah tidak dipersetujui oleh baginda. Kebenaran mendirikan patung-patung tersebut hanya akan diberikan apabila bandar-bandar tersebut dilengkapkan lebih dahulu dengan rawatan-rawatan percuma di hospital-hospital, bekalan air percuma, klinik-klinik bersalin percuma, sekolah-sekolah rendah dan menengah, kutubkanan-kutubkanan am, rumah-rumah kebajikan kanak-kanak miskin, rumah-rumah kebajikan anak-anak yatim dan orang-orang cacat, sekolah-sekolah pembangunan akhlak serta lain-lain pertubuhan kebajikan masyarakat.

Baginda telah memberi amaran bahawa membina pusat-pusat kebajikan masyarakat di bandar-bandar kecil adalah satu perkara yang patut diambil perhatian berat terlebih dahulu, dan penduduk-penduduk di bandar-bandar kecil yang memerlukan air paip, hospital, pusat-pusat kebajikan, kemudahan-kemudahan pelajaran dan lain-lain perubahan yang mendatangkan kebajikan itu mestilah jangan

¹ Sebenarnya Shahanshah

Berita-Berita Alam Islam

mementingkan hendak mendirikan patung-patung baginda berdua di bandar-bandar tersebut, kerana ia tidak begitu mustahak dan tidak memberi faedah kepada rakyat yang tinggal di bandar-bandar kecil itu.

Kementerian Dalam Negeri Iran telah memberikan sokongan penuh terhadap titah baginda itu, dengan menyatakan bahawa rancangan-rancangan untuk mendirikan patung-patung tersebut, tidak akan dibenarkan, selagi kemudahan-kemudahan kebaikan yang dikehendaki oleh Shahbano itu tidak dilaksanakan terlebih dahulu di bandar-bandar kecil.

* * *

Algeria: Eksport Algeria ke negeri-negeri Komunis adalah ditaksirkan sebanyak 8% di tahun 1968 ini. 70% daripada eksportnya adalah dihantar ke negara-negara Barat. Negara-negara Komunis yang mengimport barang-barang ke Algeria di antaranya ialah Rusia, Bulgaria, Czechoslovakia, Yugoslavia, Hungary and Romania. Barang-barangan adalah terdiri daripada bahan-bahan industri, arak, pati buah-buahan dan minyak zaitun.

* * *

Damsyik: Kerajaan Syria telah merayakan “Mingguan Kapas” sebagai satu kempen untuk menambahkan hasil-hasil pengeluaran kapas di negeri itu kepada angka 500,000 tan. Sekarang kapas adalah bahan eksport yang terbesar di negeri itu, iaitu sebanyak 54%.

Kaherah: Mengikut laporan “al-Akhbar” sebuah surat khabar harian yang diterbitkan di Kaherah menyatakan, bahawa pihak Israel telah membuat rancangan untuk menempatkan semula 10,000 orang Yahudi di wilayah-wilayah Jordan di sekitar Baitulmaqdis yang telah mereka takluk dalam Perang Arab – Israel pada bulan Jun tahun yang lalu. Tempat-tempat itu adalah Tawl al-Dakhira, Qaryah al-Lanbi, Samuel dan kawasan-kawasan gencatan senjata dahulu.

Senator Jacob Davids dari Amerika Syarikat telah mencadangkan kepada kerajaan-kerajaan Amerika, Kanada, Brazil, Australia dan New Zealand mengambil orang-orang pelarian Palestin yang berjumlah 80,000 orang itu ditempatkan di negeri-negeri tersebut.

* * *

Ankara: Sebuah kapal kago² yang terbesar (14,500 tan) sedang dibina di sebuah limbungan negeri Turki, kapal itu akan siap dalam masa yang tidak berapa lama lagi, dan akan dimulakan pelancarannya pada bulan Ogos 1968 ini. Keseluruhan bahan-bahan membina kapal tersebut diambil dari dalam negeri dan orang-orang yang membinanya terdiri dari pakar-pakar teknik Turki sendiri. Kapal itu berharga £2 milion Sterling

* * *

Tripoli: Kerajaan Libya akan mendirikan sebuah universiti baru di bandar Baghazi. Tingkat permulaan bagi pembinaan bangunan universiti tersebut berjumlah £14,600,000 dan akan mengambil masa selama tiga tahun setengah untuk menyiapkannya

Universiti baharu itu akan mempunyai beberapa cawangan pelajaran (fakulti), seperti Fakulti Art, Undang-undang dan *Economics*. Bangunan universiti itu akan dapat menampung seramai 7,000 orang.

* * *

Istanbul: Seramai 20,000 orang-orang Turki daripada Bulgaria akan bertemu kembali dengan keluarga mereka di Turki pada tahun ini,

Semenjak tahun 1950, seramai 194,894 orang dengan sukarela telah pulang ke Turki dan 157,244 orang lagi sebagai orang yang telah dibuang negeri. Orang-orang yang pulang dengan cara sukarela tidak mendapat bantuan apa-apa dari kerajaan, tetapi mereka yang dibuang negeri diberi rumah, makanan dan lain-lain kemudahan, sehingga mereka boleh Berdiri dengan kaki sendiri.

* * *

Kaherah: Republik Arab Bersatu telah mendapat bantuan sebanyak £90 juta sebagai bantuan ganti rugi daripada kerajaan-kerajaan Arab Saudi, Kuwait dan Lubnan untuk menampung kerugian dalam masa terusan Suez di tutup akibat dari perperangan Arab -Israel pada bulan Jun 1967 tahun lalu.

Membetulkan kesilapan

Ayat yang tertulis di bawah gambar “Jabal al-Nur” muka (8) di dalam majalah Qalam bilangan 212 keluaran bulan Jun 1968 yang lalu hendaklah dibaca:

“Iqrā’ bi’smi rabbika al-ladhi khalaq”.

Pengarang

² Perkataan sebenar ialah kargo